

PBT diarah tak 'tekan' penjaja bazar Ramadan

Anwar minta elak dikenakan sewa terlalu tinggi, urus sendiri tapak berniaga

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak 'menekan' peniaga bazar Ramadan dengan mengenakan kos sewa tapak yang tinggi.

Perdana Menteri berkata, tiada sebab untuk PBT mengenakan sewa yang tinggi.

Katanya, keadaan itu diburukkan lagi apabila sebahagian tapak bazar Ramadan tidak dikendalikan secara terus oleh PBT, sebaliknya diurus pihak ketiga.

"Penyumberluaran itu sekali gus menyebabkan peniaga terpaksa berdepan kenaikan kos kerana perlu membayar ejen dan bukan menyewa tapak bazar Ramadan secara langsung kepada PBT.

"Kalau secara spesifik soal bazar Ramadan yang saya dapat lawati di empat lima tempat, pertama kos sewa itu terlalu tinggi.

"Jadi kita telah memberikan arahan, kalau kos itu yang dikendalikan Majlis Perbandaran, jangan 'tekan' (sewa) dalam keadaan sekarang," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) mengenai usaha mengekang kesan rantaian ekonomi, terutama bagi peniaga bazar Ramadan susulan kadar baharu SST berkuat kuasa sejak 1 Mac lalu.

"Termasuk semalam, di Tambun, Perak saya dapati sekiranya kos sewa (bazar Ramadan) itu lumayan (murah), ia tidak sangat mengesankan (peniaga).

"Ada beberapa kedai daripada sekitar 180 (peniaga di bazar Ramadan dekat Tambun) mengambil kesempatan untuk meningkatkan (harga).

"Namun, bazar Ramadan tiada kena-mengena langsung dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Tak dinafikan juga, kadang-kadang ada syarikat besar mengambil kesempatan," kata Perdana Menteri.

Memperincikan korelevanan perubahan kadar SST, Anwar berkata, ia terpaksa dibuat bagi mengelak ekonomi negara men-



Anwar pada sesi soal jawab di Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

junam, selain tiada pertambahan hasil negara dan mengelak longgokan hutang.

"Apakah cukai harus dikenakan kepada rakyat biasa? Kita cuba elak seperti yang dilakukan bagi elektrik.

"SST diberi pengecualian dengan maksud tidak mengenakan kesan negatif kepada kebanyakan rakyat tetapi seperti kita tahu, ada kesan sampingan kecil yang mesti dikawal.

"Saya setuju kita harus terus pantau, tetapi kalau secara khusus bazar Ramadan ini, kebanyakannya (peniaga) mengeluh kerana kadar sewa tinggi dan pendapat saya, PBT tiada sebab untuk mengenakan sewa yang tinggi," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Jimmy Pua Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai kemampuan Malaysia mampu mencatatkan jumlah pelaburan yang tinggi dan memastikan momentum itu berterusan, Perdana Menteri berkata, kestabilan politik, dasar ekonomi MADANI yang jelas dan langkah memudahkan perniagaan antara faktor yang menarik pelabur datang ke negara ini, sehingga mampu mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi diluluskan dalam sejarah negara tahun lalu.

Katanya, kejayaan itu membatik sumbangan semua jentera kerajaan, diterajui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Luar yang bukan hanya mampu dicapai dengan beberapa kunjungan ke negara luar.

"Pelabur, sama ada domestik atau asing, apabila mereka nak datang, mereka nak tengok jelas atau tidak (dasar).

"Kita ada pelan perindustrian,

transisi tenaga, transformasi digital dan program keselamatan makanan yang jelas.

"Mereka tahu sebelum bertemu kita, beberapa kerangka kebijakan ekonomi yang kita jelaskan.

"Selain itu, ia disumbang kepantasan kelulusan yang mendapat teguran sebelum ini, sama ada di peringkat Persekutuan, negeri dan perbandaran. Di peringkat Persekutuan, kita tumpukan satu agensi di MITI untuk menyelaraskannya," katanya.

Perang dagang AS China

Menjawab soalan sama ada Malaysia terjejas atau mendapat manfaat daripada perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengakui ia memberi kesan kepada negara pengeksporn ke China, termasuk Malaysia.

Bagaimanapun katanya, ada negara seperti Jerman mengambil langkah mengurangkan bergantungannya hanya kepada China dan turut memilih Malaysia sebagai hab dagangan.

"Dalam beberapa bulan ini, dapat kita lihat MITI menerima kehadiran Menteri Perdagangan (dari luar) dan kita juga masih mendapat pelawaan daripada kesungguhan Arab Saudi dan Qatar, yang dulunya juga melabur tapi agak rendah.

"Jika kita terus beri tumpuan dan latihan (kepada bakat tempatan) kerana kelemahan kita adalah latihan matematik dan sains, TVET (Pendidikan Teknikal dan Vokasional), kejuruteraan dan kecerdasan buatan (AI) peringkat tertinggi, kita mampu lakukan kalau berikan tumpuan serta peruntukan tambahan sepenuhnya," katanya.